

# KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN SISWA (KAKS) 2008

(KAKS) 2008

Oleh: Fathul Azan B. Faezan

Sungai Petani : Pada 27 Mei 2008 hingga 2 Jun 2008 yang lalu, telah berlangsungnya Kursus Asas Keusahawanan Siswa(KAKS) di Hotel Swiss Inn, Sungai Petani Kedah. Seramai 40 peserta telah terlibat dalam menjayakan program ini yang berlangsung selama 6 hari 5 malam. Program ini juga telah dirasmikan oleh Tuan Haji Huzili Bin Husin, Dekan Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan(PKCK) UniMAP. Manakala majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Alumni UniMAP, En. Mohd Najmuddin Bin Mohd Hassan. Program ini juga adalah anjuran bersama pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi(MeCD) yang berhasrat melihat lebih ramai lagi graduan-graduan berkecimpung di dalam dunia perniagaan. Manakala penceramah-penceramah yang dilantik pula antaranya dari Universiti Utara Malaysia(UUM), Universiti Sains Malaysia(USM) dan SME BANK. Mereka terdiri daripada penceramah yang berwibawa dan mempunyai pengalaman yang luas di bidang keusahawanan.

*Hotel Swiss Inn, Sungai Petani Kedah*

